



Komentar

Oleh AZIMI MUSTAPHA

Penolong Pengarang *Kosmo!* Ahad

**Jangan biar anak
menunggang motosikal
tanpa lesen**

*Kosmo
9/11/16
ms 11*

ISU tentang kanak-kanak yang menunggang motosikal tanpa lesen telah berlarutan sejak sekian lama dan sehingga kini masih berlarutan tanpa ada sebarang penyelesaian.

Jika kita pergi ke kawasan luar bandar atau kampung, perkara ini sudah menjadi satu kebiasaan hinggakan kanak-kanak berusia bawah 10 tahun pun bebas menunggang motosikal tanpa mendapat bantahan daripada ibu bapa.

Keadaan ini seolah-olah menjadi satu kebanggaan bagi ibu dan ayah sekiranya anak kecil mereka pandai menunggang motosikal dan sesetengah mereka memang mengharapkan sedemikian kerana memudahkan urusan membeli barangan di kedai runcit.

Tidakkah mereka tahu bahawa dengan memberi 'lampu hijau' kepada kanak-kanak menunggang motosikal tanpa lesen sebenarnya memberikan implikasi yang besar terhadap undang-undang jalan raya.

Sekiranya berlaku kemalangan membabitkan kanak-kanak di bawah umur yang menunggang motosikal, siapa yang harus dipersalahkan. Umum mengetahui, mereka biasanya menunggang dengan laju dan tanpa memakai topi keledar disebabkan berasa seronok tanpa mempedulikan keselamatan dari nyawa orang lain.

Bagi penulis, kesalahan itu terletak di bahu ibu bapa kerana membiarkan anak mereka bebas menunggang motosikal pada usia begitu muda tanpa memahami undang-undang jalan raya.

Malah, terdapat sebahagian ibu bapa yang memberi galakan salah dengan membelikan motosikal kepada anak-anak atas alasan mencurahkan kasih sayang kepada yang tersayang.

Sebenarnya, ini merupakan bibit-bibit awal penglibatan anak-anak mereka dalam perlumbaan haram dan menjadi pelesit rempit tegar. Jangan pula apabila anak-anak cedera atau mati dalam kemalangan ketika merempit, baru hendak menyesal dan menyalahkan pihak lain. Tanpa ibu bapa sedari, merekalah sebenarnya memberikan galakan atas aktiviti anak-anak.

Apa yang menjadi masalah sekarang, ada ibu bapa yang mempertahankan anak masing-masing sekiranya ada pihak yang melaporkan sikap zuriat mereka yang suka menunggang motosikal dengan laju dan membahayakan pengguna jalan raya lain.

Lebih malang, orang yang melaporkan pula akan dimarahi dan diberi amaran agar tidak mencampuri urusan mereka anak-beranak seolah-olah tindakan anak mereka itu tidak salah.

Percaya atau tidak, menurut Jabatan Pengangkutan Jalan, kira-kira 80 peratus daripada 117,000 pelajar yang menunggang motosikal ke sekolah di negara ini tidak memiliki lesen motosikal yang sah.

Oleh kerana jumlah tersebut sangat besar, tidak hairanlah polis mahu mencadangkan hukuman yang lebih tegas. Tidak ada lagi saman atau kompaun. Bagi kesalahan sedemikian pesalah akan terus dibawa ke mahkamah.

Bukan penunggang dan pemandu sahaja yang akan didakwa, pemilik yang membenarkan kenderaan mereka digunakan pun terheret sekali. Ibu bapa juga tidak terkecuali.

Jika perkara ini dapat dipercepatkan, bilangan kanak-kanak yang menunggang motosikal tanpa lesen pasti berkurangan dan ibu bapa juga tidak lagi berani dan berfikir dua tiga kali untuk membiarkan anak-anak di bawah umur berpelesenan bersama kawan-kawan menunggang motosikal macam 'orang kurang siuman'.